

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 MEI 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pelan IoT untuk pembangunan ICT masa depan	Kosmo
2.	MIMOS unjur RM2b peluang pasaran	Utusan Malaysia
3.	Connectivity through IoT	New Straits Times
4.	Optimis IOT jana pasaran lebih RM2b setiap tahun	Harian Metro
5.	BiotechCorp sasar pelaburan di AS bantu RM5 bilion	Berita Harian
6.	BiotechCorp eyes RM5b investment	New Straits Times
7.	Tarik pelaburan RM5 bilion	Harian Metro
8.	BiotechCorp sasar pelaburan RM5 bilion	Kosmo
9.	BiotechCorp sasar pelaburan bernilai RM5b	Utusan Malaysia
10.	MMD warns effects of El Nino may be felt later	The Star
11.	Theft and climate heat up car tinting trade	The Star
12.	Produk kosmetik patuhi SIRIM	Harian Metro
13.	Meeting high standards	The Star
14.	D-Day for water concessionnaires	The Sun

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 57
TARIKH: 15 MEI 2014 (KHAMIS)

Pelan IoT untuk pembangunan ICT masa depan



ABDUL WAHAB (dua dari kanan) menyerahkan buku sebagai cenderahati kepada Zakri (dua dari kiri) di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR - MIMOS melancarkan bengkel Internet of Working Technical Working Group (IoT TWG) kebangsaan yang pertama sebagai pemangkin pembangunan kepada pelan tindakan IoT kebangsaan.

Ia seterusnya berfungsi membentuk landskap teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan memanfaatkan peluang yang luas daripada teknologi IoT.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Zulkifli Mohamed Hashim berkata, IoT akan memberi inspirasi terhadap amalan kerja

baharu dan proses perniagaan untuk menyalurkan gelombang baharu dalam inovasi.

"Seterusnya, ia membantu menembusi pasaran baharu, industri dan menggalakkan janaan pelaburan dalam bidang teknologi.

"Bengkel dua hari ini akan membolehkan kita berkongsi pengetahuan mengenai kesan dan kepentingan IoT dalam bidang ekonomi, kemajuan sosial dan meneroka kerjasama menerusi kajian, pembangunan serta komersialisasi," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Turut hadir ialah Presiden

serta Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Profesor Emeritus Datuk Sri Zakri Abdul Hamid.

Sementara itu, Zakri menerangkan, inisiatif berkenaan bertujuan untuk meningkatkan aplikasi sains dan teknologi dalam pembangunan industri dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

Ia boleh dilaksanakan melalui tiga komponen utama seperti Sains kepada Industri, Sains kepada Kesejahteraan dan Sains kepada Tadbir Urus.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18
TARIKH: 15 MEI 2014 (KHAMIS)

MIMOS unjur RM2b peluang pasaran

KUALA LUMPUR 14 Mei - **MIMOS Berhad (MIMOS)** mengunjurkan dapat mencapai lebih RM2 bilion peluang pasaran dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui sokongan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan pembangunan Pelan Induk Kebangsaan Internet Segala-galanya (IoT) yang dijangka dibentangkan kepada kerajaan Oktober ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, setakat ini, MIMOS telah berjaya menjana sehingga RM7 bilion perniagaan dalam sektor ICT di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan RMK-10.

Katanya, pelaksanaan IoT itu akan menyaksikan Malaysia sebagai satu-satunya negara di rantau ini yang mengambil langkah melaksanakan inisiatif tersebut.

"IoT ini amat penting buat negara dan kita tidak mahu ketinggalan di belakang berbanding negara-negara lain dari segi kemajuan sains dan teknologi," katanya selepas Bengkel Kumpulan Kerja Teknikal IoT di sini hari ini.

Yang turut hadir, Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Zakri Abdul Hamid; Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Dr. Mohd. Yusof Salim.

Bengkel selama dua hari itu yang menghimpunkan pakar-pakar industri sehinggalah ahli akademik merupakan langkah pertama MIMOS untuk membangunkan Pelan Induk Kebangsaan IoT yang akan



PROFESOR Emeritus Dr. Zakri Abdul Hamid (kiri) dan Abdul Wahab Abdullah pada sidang akhbar Forum IT Internet Thing di Kuala Lumpur, semalam.

memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ICT negara dan membuka lebih banyak peluang di bawah teknologi tersebut.

Antara agensi yang terlibat pada bengkel tersebut termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), Institut Jantung Negara (IJN), Cisco Systems, Celcom Axiata Berhad, Intel, Oracle Corporation dan Microsoft.

Menurut Abdul Wahab, IoT menunjukkan perkembangan yang pesat selepas internet pertama kali diperkenalkan di Malaysia pada 1992.

"MIMOS telah mengambil pendekatan dengan mengaplikasikan penyelidikan dalam ICT bagi meningkatkan daya saing negara dan meletakkan inovasi sebagai pema-

ngkin pertumbuhan ekonomi Malaysia sejak 1985," katanya.

Sementara itu, Zakri berkata, pelaksanaan pelan induk itu secara tidak langsung dapat merealisasikan Inisiatif Sains Untuk Tindakan (S2A) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada November lalu. Inisiatif S2A berdasarkan kepada tiga teras utama iaitu Sains untuk Industri, Sains untuk Kesejahteraan dan Sains untuk Tadbir Urus.

"IoT akan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan Inisiatif S2A dan membuka banyak peluang dalam era digital hari ini sekali gus menyumbang RM1.7 bilion kepada Pendapatan Kasar Negara (GNI) dan mewujudkan 14,720 peluang pekerjaan menjelang 2020," katanya.

Connectivity through IoT

BLUEPRINT: Shaping
nation's ICT landscape

**LAVANYA LINGAN
AND NIKITA NAWAWI**
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

IMAGINE a world where all things including people are connected. This is made possible with the advent of Internet of Things (IoT) where the world would be digitised and people, processes, data and things would be connected.

Realising the growing importance of IoT, Mimos is running a two-day workshop to formulate a national blueprint that would be presented to the government in October.

Project patron, Professor Datuk Dr Zakri Abdul Hamid said IoT would act as a crucial technology enabler and realise opportunities in the digital age.

"We are evolving from human-to-human and human-to-machine connections to embedded intelligence.

"From 200 million things or devices being connected globally, we have progressed to connecting 10 billion things and with the advent of IoT, we can expect 50 billion things connecting to one another," he said at the launch of the IoT Technical Working Group here yesterday.

Zakri, who is also Prime Minister Datuk Seri Najib Razak's science advisor, added that the development of IoT in the country was expected to generate a gross national income of RM1.7 billion and create 14,720 new jobs by 2020.

He also said IoT bring together various technologies including the sharing and exchange of information, context awareness, energy efficiency, security and privacy, identification and adaptive networks.

IoT, he added, would also be part of the government's Science to Action initiative launched last year, which aimed to intensify the application of science and technology for industry development, people's well-being and governance of science, technology and industry that aligns to the New Economic Model.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 66
TARIKH: 15 MEI 2014 (KHAMIS)

Optimis IOT jana pasaran lebih RM2b setiap tahun

Kuala Lumpur: MIMOS

Berhad (MIMOS) optimis pengenalan Pelan Induk Internet Segalanya (IOT) akan membantu syarikat menjana pasaran bernilai lebih daripada sasaran RM2 bilion setiap tahun pada masa depan bagi industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata pelan terbabit dilihat mampu memacu industri ICT ke arah lebih tinggi kerana ia bakal mewujudkan proses perniagaan dan amalan pekerjaan baru,

membolehkan syarikat tempatan menerokai pasaran dan industri baru serta mengalakkan pelaburan terbaik dalam teknologi.

"Ketika ini, kami membincangkan pengisian pelan ini dan akan dibentangkan di Parlimen pada Oktober depan. Kami yakin Pelan Induk IOT membawa manfaat ekonomi lebih baik kepada negara apabila ia dilaksanakan dengan polisi dan hala tuju yang betul," katanya pada majlis pelancaran Bengkel Kumpulan



ABDUL Wahab

Kerja Teknikal IOT di sini, semalam.

Bengkel dua hari itu menyaksikan pemain industri seperti komuniti teknologi, pakar akademik dan agensi kerajaan seluruh negara berkongsi maklumat dan membincangkan idea bagi menghadapi impak dan kepentingan IOT terhadap perkembangan ekonomi dan sosial di samping menerokai kerjasama dalam kajian, pembangunan dan pengkomersialan IOT.

MIMOS menjana peluang

pasaran ICT bernilai RM7 bilion sejak tiga tahun lalu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan 10 (RMK9 dan RMK10) dengan 10 peratus daripada jumlah terbabit berjaya menjana keuntungan kepada industri.

Beliau berkata, Internet pada masa kini berkaitan menghubungkan individu dan IOT mengubah gaya hidup kerana ia integrasi teknologi yang menghimpunkan Internet, sensor tanpa wayar, identifikasi frekuensi radio dan lain-lain.

BiotechCorp sasar pelaburan di AS bantu raih RM5 bilion

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) menjangka misi perdagangan dan pelaburan bioekonomi ke Amerika Syarikat (AS) bulan depan dapat membantu meraih nilai pelaburan sehingga RM5 bilion pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, (**gambar**) berkata setakat ini, nilai pelaburan dalam sektor bioekonomi adalah RM2 bilion.

Mohd Nazlee berkata, BiotechCorp berharap misi ke AS itu kelak akan menyokong mencapai matlamatnya untuk mendapatkan seberapa banyak kerjasama yang boleh, melalui

beberapa program pelaburan yang dirancang.

Agensi pembangunan bioteknologi itu akan mengunjungi tiga bandar di AS iaitu Minneapolis, San Francisco dan San Diego Jun ini, untuk membina hubungan strategik serta mengenal pasti dan berbincang dengan pelabur berpotensi, di samping menceburi perniagaan strategik dalam industri berasaskan bio.

Destinasi pilihan

"Kami mahu menonjolkan lagi Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan bagi perniagaan berasaskan bio," katanya dalam satu taklimat media mengenai

misi perdagangan dan pelaburan ke AS itu di Kuala Lumpur, semalam.

Mohd Nazlee berkata, BiotechCorp mahu memanfaatkan lawatan Presiden AS, Barack Obama, selama tiga hari ke Malaysia baru-baru ini, untuk menarik lebih banyak pelaburan dari sektor bioteknologi dan bioekonomi di negara itu.

"Kami juga akan memperkenankan kira-kira 10 produk syarikat berstatus BioNexus di sana," katanya.

Status BioNexus adalah satu pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia melalui BiotechCorp untuk melayakkan



syarikat yang melaksanakan dan mengambil bahagian dalam kegiatan bioteknologi nilai tambah.

Mohd Nazlee berkata, beliau berharap untuk melihat 70 peratus pelaburan daripada syarikat tempatan menjelang 2020, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, manakala selebihnya adalah melalui penyer-taan syarikat asing.

Pada masa ini nisbah pelaburan tempatan dan asing ialah 50:50.

BERNAMA

BiotechCorp eyes RM5b investment

RM2B AT PRESENT: Company banking on US trip

KUALA LUMPUR

MALAYSIAN Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) expects its bioeconomy trade and investment mission to the United States (US) next month to help achieve an investment value of RM5 billion for this year, said chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

To date, the investment value in the bioeconomy sector stands at RM2 billion.

Mohd Nazlee said BiotechCorp hopes that the mission to the US will boost its goal of securing as many collaborations as it can via several investment programmes planned.

The biotech development agency will head to three cities, namely Minneapolis, San Francisco and San Diego, to build strategic relationships as well as identify and



Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal says *BiotechCorp wants to raise Malaysia's visibility as a destination of choice for bio-based businesses*

engage potential investors, alongside strategic ventures in bio-based industries.

"We want to increase Malaysia's

visibility as a destination of choice for bio-based businesses," he told a media briefing here yesterday.

Mohd Nazlee said BiotechCorp wants to capitalise on the recent three-day visit by US President Barack Obama to Malaysia to secure more investments from the biotech sector and bioeconomy in the country.

"We will also promote about 30 products of BioNexus Status companies in Malaysia," he added.

The BioNexus Status is a recognition awarded by the Malaysian government via BiotechCorp to qualify companies that participate in and undertake value-added biotechnology activities.

Mohd Nazlee said he is hoping for 70 per cent investments from local companies by 2020, in line with the government's aim of achieving the high-income nation status, with the rest via foreign participation. **Bernama**

Tarik pelaburan RM5 bilion

Sasaran BiotechCorp menerusi pelaksanaan misi perdagangan ke pasaran luar, peningkatan syarikat berstatus BioNexus

Oleh Hafiz ithnin
hafizithnin@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) menyasarkan tarikan pelaburan keseluruhan tahun ini RM5 bilion menerusi pelaksanaan misi perdagangan ke pasaran luar dan peningkatan syarikat berstatus BioNexus.

Status BioNexus diberikan kepada syarikat yang layak bagi menjalankan aktiviti bioteknologi nilai ditambah dan sains hayat di Malaysia. Pemberian itu termasuk insentif fiskal, geran dan jaminan lain bagi membantu pertumbuhan.

Ketua pegawai Eksekutifnya Datuk Mohd Nazlee Kamal berkata, menerusi Dasar Bioteknologi Negara fasa kedua bermula 2011 hingga 2015 meletakkan sasaran tarikan pelaburan keseluruhan RM9 bilion dan ketika ini ia melebihi RM14.6 bilion.

Beliau berkata, tarikan pelaburan tahun ini dijangka mencecah RM5 bilion merangkai lagi perkembangan pelaburan daripada sasaran diletakkan dalam tempoh fasa



“Kami sentiasa melaksanakan pelbagai aktiviti mampu merangsang peningkatan industri ini”

Mohd Nazlee Kamal

kedua dasar berkenaan.

“Kami sentiasa melaksanakan pelbagai aktiviti mampu merangsang peningkatan industri ini. Pada Jun ini, Biotechcorp merancang mengadakan misi perdagangan ke Amerika Syarikat bagi memperkenalkan 10 produk daripada syarikat BioNexus dan menarik syarikat bioteknologi dari sana

untuk melabur ke Malaysia.

“Ketika ini, terdapat 232 syarikat berstatus BioNexus yang menjana perolehan RM2.3 bilion dan disasarkan 30 syarikat baru berstatus BioNexus tahun ini sekali gus dapat mencapai unjuran perolehan RM50 bilion menjelang 2017,” katanya di

sini, semalam.

Menerusi Pelan Transformasi Ekonomi (ETP), sektor bioteknologi dikenal pasti sebagai salah satu bidang mampu merangsang pembangunan ekonomi negara dengan sasaran pendapatan kasar negara (PNK) RM43 bilion, mencipta 160,000 pe-

luang pekerjaan dan menarik RM15 bilion menjelang 2020.

Nazlee berkata, terdapat tiga sektor utama menyumbang di dalam pelaburan keseluruhan Bioteknologi iaitu perindustrian, kesihatan dan pertanian dengan pecahan peratusan lebih 30 peratus setiap sektor.

BiotechCorp sasar pelaburan RM5 bilion

KUALA LUMPUR – Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) menjangkakan misi perdagangan dan pelaburan bioekonominya ke Amerika Syarikat (AS) bulan depan akan dapat membantu mencapai nilai pelaburan sebanyak RM5 bilion bagi tahun ini.

Sehingga kini, nilai pelaburan dalam sektor bioekonomi berjumlah RM2 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, syarikat berharap misi ke AS itu kelak akan menyokong mencapai matlamatnya bagi mendapatkan seberapa banyak kerjasama yang boleh, melalui beberapa program pelaburan yang dirancang.

Agensi pembangunan bioteknologi itu akan mengunjungi tiga bandar di AS iaitu Minneapolis, San Francisco dan San Diego, Jun depan.

Ia bertujuan untuk membina hubungan strategik serta mengenal pasti dan berbincang dengan pelabur berpotensi, di



MOHD. NAZLEE akan mengetuai misi perdagangan dan pelaburan khususnya bioekonomi ke AS bulan depan.

samping menceburi perniagaan strategik dalam industri-industri berasaskan bio.

"Kami mahu menonjolkan lagi Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan bagi perniagaan berasaskan bio," katanya dalam satu taklimat media mengenai misi perdagangan dan pelaburan ke AS itu di sini semalam.

Mohd. Nazlee menjelaskan, BiotechCorp mahu memanfaatkan lawatan Presiden AS, Barack Obama selama tiga hari ke Malaysia baru-baru ini, untuk menarik lebih banyak pelaburan daripada sektor bioteknologi dan bioekonomi di negara itu.

"Kami juga akan memperkenalkan kira-kira 10 produk syarikat berstatus BioNexus di sana," katanya.

Status BioNexus merupakan suatu pengiktirafan yang diberikan kerajaan Malaysia melalui BiotechCorp untuk melayakkan syarikat-syarikat yang melaksanakan dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan bioteknologi nilai tolok.

Mohd. Nazlee berharap agar dapat melihat 70 peratus pelaburan daripada syarikat-syarikat tempatan menjelang tahun 2020.

Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi manakala selebihnya adalah melalui penyertaan syarikat asing. – Bernama

BiotechCorp sasar pelaburan bernilai RM5b

KUALA LUMPUR 14 Mei – Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) menjangka misi perdagangan dan pelaburan bioekonominya ke Amerika Syarikat (AS) bulan depan dapat membantu mencapai nilai pelaburan sebanyak RM5 bilion bagi tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal.

Setakat ini, nilai pelaburan dalam sektor bioekonomi berjumlah RM2 bilion.

Mohd. Nazlee berkata, BiotechCorp berharap misi ke AS itu kelak akan menyokong mencapai matlamatnya untuk mendapatkan seberapa banyak kerjasama yang boleh, melalui beberapa program pelaburan yang dirancang.

Agensi pembangunan bioteknologi itu akan mengunjungi tiga bandar di AS iaitu Minneapolis, San Francisco dan San Diego Jun ini, untuk membina hubungan strategik serta mengenal pasti dan berbincang dengan pelabur-pelabur berpotensi, di samping menceburi perniagaan strategik dalam industri-industri berasaskan bio.

"Kami mahu menonjolkan lagi Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan bagi perniagaan berasaskan bio," katanya

dalam satu taklimat media mengenai misi perdagangan dan pelaburan ke AS itu di sini hari ini.

Mohd. Nazlee berkata, BiotechCorp mahu memanfaatkan lawatan Presiden AS, Barack Obama selama tiga hari ke Malaysia baru-baru ini, untuk menarik lebih banyak pelaburan daripada sektor bioteknologi dan bioekonomi di negara itu.

"Kami juga akan memperkenalkan kira-kira 10 produk syarikat berstatus BioNexus di sana," katanya.

Status BioNexus ialah satu pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia melalui BiotechCorp untuk melayakkan syarikat-syarikat yang melaksanakan dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan bioteknologi nilai tokok.

Mohd. Nazlee berkata, beliau berharap untuk melihat 70 peratus pelaburan daripada syarikat-syarikat tempatan menjelang 2020, sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, manakala selebihnya adalah melalui penyertaan syarikat asing. Pada masa ini nisbah pelaburan tempatan dan asing ialah 50:50. - BERNA-
MA

MMD warns effects of El Nino may be felt later

PETALING JAYA: It will take a while before the effects of El Nino are fully felt and the delay may even be several months, said the Malaysian Meteorological Department (MMD).

"The El Nino lifespan is normally between six and 18 months. If El Nino is going to occur by next month, the significant impact can only be seen at the end of this year or early next year," said MMD's deputy director-general Alui Bahari.

The El Nino phenomenon is characterised by a band of unusually warm ocean water temperatures that periodically develops off the Pacific coast of South America that could cause extreme weather changes across the Pacific region such as fluctuating droughts, floods and scrappy crop yields in some regions.

"El Nino is a slow process. It takes a few months before the impact is felt by the country. Generally, Sabah and Sarawak will be affected the most when it comes to El Nino years," said Alui.

Some of the countermeasures against prolonged drought would be cloud-seeding operations.

Alui added that further studies had to be conducted before the phenomenon, such as the overly hot Chinese New Year season leading to subsequent water shortages and the recent floods in Kuala Lumpur, could be attributed to climate change.

Department of Environment director-general Datuk Halimah Hassan said her department would be on the lookout for open burning.

"We will step up our enforcement action, with land and aerial surveillance to curb open burning. There's still a total ban on open burning in Selangor, Malacca, Negri Sembilan, Kuala Lumpur and Putrajaya since March 2014," said Halimah, who urged the public to cooperate and not to resort to open burning.

Forum Air Malaysia, an organisation formed to assist the National Water Services Commission (Span), said the Government had to prepare well.

"It must ensure that there will be adequate water supply to all consumers during El Nino," said manager Foon Weng Lian, who also urged Putrajaya to be more transparent in disseminating information.

Theft and climate heat up car tinting trade

By VALERIE CHIN

newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The scorching mid-day heat is "driving" many motorists to car tint workshops.

With temperatures soaring as high as 37°C, many such shops in the Klang Valley are reporting brisk business.

Car owners are also opting for "two-in-one" tint jobs, which provide safety besides protection from sun damage.

GLS Auto manager Villie Leong said demand had picked up by some 30%.

"The main reason why most of my customers buy my tint is because of the hot weather but most would consider buying the '2-in-1' tint for a better deal and protection," he said.

Cool World Auto shop manager, who only wished to be called Dennis, also said business was on the uptake, with customers saying they needed protection from the hot weather.

Car owner Jordan Chow, 25, said the heat was not the only reason he got the double-layer tinting.

"The reason for tinting is simple: protection from the hot weather and also from thieves, so they cannot see what is inside my car," he said.

Another car tint user, Adam Wafi, 22, said his main reason for tinting was to prevent the interior of his car from getting too hot.

The Malaysian Meteorological Department has said that temperatures in the Klang Valley ranged between a comfortable 31°C and a scorching 36°C over the past week despite constant rainfall.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (HATI) : MUKA SURAT H14
TARIKH : 15 MEI 2014 (KHAMIS)



KAJIAN dijalankan
pihak SIRIM sebelum
penghasilan produk.

Oleh Farah Akillah Zolkefle
wanitametro@
mediaprima.com

Penyelidikan ke atas penggunaan herba tempatan ternyata menyumbang kepada pembangunan produk kosmetik menerusi penggunaan ekstrak herba tempatan seperti dibuktikan SIRIM.

Ketua Bahagian Kosmetik dan Produk Semulajadi SIRIM Sarifah Rejab berkata, penyelidikan terperinci merangkumi kajian bioaktiviti, kandungan nutrien dan ujian keselamatan ekstrak dilakukan bagi memastikan ia mematuhi piawaian keselamatan produk kosmetik.

"Pihak kami kini mempunyai lebih daripada 100 jenis ekstrak tumbuhan tempatan antaranya herba, tempe, rumpai laut, pegaga, lempoyang dan halia yang membabitkan kajian keberkesanan ekstrak berkenaan dalam pembangunan produk kosmetik.

"Kebanyakan ekstrak yang dikaji mempunyai unsur antioksidan yang tinggi dan mampu mengatasi masalah kulit termasuk membantu dari segi pencerahan kulit, per-

cambahan kolagen dan anti-kulit," katanya.

Dalam penghasilan produk kosmetik, fungsi sesuatu produk ditentukan oleh bahan aktif contohnya ekstrak lempoyang digunakan dalam pembangunan produk pencerahan kulit manakala ekstrak rumpai laut digunakan dalam produk kosmetik antipenuaan kerana mempunyai unsur mengawal kelembapan kulit yang tinggi.

Ekstrak limau purut pula

digunakan untuk produk pencegahan jerawat kerana mempunyai unsur merencatkan aktiviti bakteria yang menyumbang kepada pertumbuhan jerawat.

Produk tempatan dihasilkan khas mengikut jenis kulit, cuaca tempatan dan cita rasa pengguna tempatan. Paling penting, bahan yang digunakan dalam produk kosmetik berkenaan halal dengan mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Beliau turut akui, terdapat produk tempatan melalui penyelidikan terperinci dan terkini dengan kawalan mutu kualiti yang tinggi, terbukti keberkesanan dan pembungkusan menarik yang setanding dengan produk kosmetik berjenama mahal dari luar negara.

Lebih daripada 50 usahawan kini mendapatkan perkhidmatan SIRIM untuk membangunkan produk kosmetik masing-masing.

Pada masa sama, produk

keluaran SIRIM juga sudah memasuki pasaran Indonesia dan kini cuba dipasarkan di Eropah.

Ujian patuhi piawaian

Beliau tidak menafikan, terdapat segelintir masyarakat yang kurang gemar memilih jenama tempatan walaupun barangan tempatan lebih murah.

Ini berpunca daripada beberapa faktor seperti produk luar negara berkualiti

tinggi, berjenama terkenal, strategi promosi yang berkesan, pembungkusan menarik serta lokasi jualan produk.

Bagaimanapun, ada juga pengguna yang tidak menyedari sesetengah produk kosmetik di pasaran menggunakan bahan terlarang.

Dalam soal ini, pihak SIRIM bersedia bersedia membantu usahawan terbabit membangunkan produk yang sama, tetapi menggunakan bahan yang dibenarkan dalam penghasilan produk kosmetik. Malah, SIRIM juga boleh membantu usahawan untuk mendaftarkan produk berkenaan di Kementerian Kesihatan Malaysia dan JAKIM.

"Pihak kami membantu usahawan dengan mengubah suai formula yang setanding keberkesanan dengan produk asal. Seterusnya, ujian keselamatan ke atas produk kosmetik supaya ia mematuhi piawaian ditetapkan," katanya.

Tempoh ujian keselamatan pula bergantung kepada bahan misalnya ujian logam berat seperti plumbum dan merkuri mengambil masa seminggu manakala ujian mikrob mengambil masa tiga

Produk KOSMETIK patuhi SIRIM

**Ekstrak herba tempatan melalui penyelidikan
terperinci dengan kawalan mutu kualiti yang tinggi
bagi memenuhi piawaian dan selamat**

SAMBUNGAN...

HARIAN METRO (HATI) : MUKA SURAT H15

TARIKH : 15 MEI 2014 (KHAMIS)

minggu. Ujian kerengsaan kulit dan mata pula mengambil masa tiga minggu.

Beliau berkata, produk yang kerap ditarik balik dari pasaran adalah produk pencerahan kulit. Justeru, pengguna dinasihatkan supaya memberi lebih tumpuan sebelum memilih produk sedemikian. Setiap produk kosmetik yang dipasarkan di Malaysia mesti mempunyai notifikasi nombor daripada Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK).

Maklumat ini boleh diperolehi dari kotak atau bekas produk atau menyemak maklumat dari laman sesawang BPFK.

Selain itu, pengguna juga harus memberi perhatian kepada tarikh luput produk atau tarikh pembuatan produk yang dicatatkan pada kotak pembungkusan. Produk kosmetik lazimnya berkeadaan baik hanya untuk tempoh dua tahun namun ia bergantung kepada kualiti formulasi produk.

Luangkan sedikit masa membaca arahan penggunaan produk dan patuhi arahan penggunaannya. Semasa penggunaan produk, pengguna dinasihatkan memberi perhatian kepada sebarang perubahan yang berlaku seperti perubahan warna dan bau di samping produk menjadi semakin cair atau terpisahkan kepada dua lapisan.

Sekiranya ini berlaku, pengguna harus menghentikan penggunaan produk kerana produk sudah tidak stabil dan kemungkinan mengalami pencemaran mikrob sekali gus boleh memudaratkan pengguna.

Fakta mengenai penyelidikan dan pembangunan

produk kosmetik SIRIM Berhad

1990an - 2000

Pembangunan produk kosmetik menggunakan ekstrak komersial (import dari luar negara)

2000 - 2008

Pembangunan produk kosmetik menggunakan ekstrak herba tempatan menerusi kajian bioaktiviti.

2010 - kini

Penyelidikan dan pembangunan produk kosmetik menggunakan formula terkini dari segi penambahbaikan produk antara lain membabitkan kesan pencerahan kulit, awet muda dan hidrasi menerusi penggunaan teknologi nano dan teknologi lain.

Antara contoh penyelidikan menggunakan bahan tempatan dalam pembangunan produk kosmetik:

Pegaga - 1999
Rumpai laut - 2002
Lempoyang - 2002
Makanan diperam - 2005
Halia - 2006
Lima purut - 2006
Rambutan - 2007
Jambu merah - 2007
Asam kandis - 2007
Asam Jawa - 2007
Nasi diperam - 2007
Beras bukit - 2008
Rumpai laut - 2011
Sarang burung - 2013

Kesan sampingan bahan terlarang dalam produk kosmetik:

Betamethasone - Kulit muka menjadi nipis dan mudah mengalami keradangan, kegatalan kulit, kesan rekahan, berjerawat, perubahan pada pigmentasi kulit dan meningkatkan risiko diserap ke dalam sistem peredaran

darah yang boleh memudaratkan.

Merkuri - Gangguan saraf, kerosakan ginjal dan paru-paru, gangguan otak, mematikan sel darah dan mencacatkan janin.

Tretinoin - Kulit kering, rasa terbakar, kulit mengelupas, kemerahan, sensitif dan juga mencacatkan janin.

Hidrokuinon - Kulit mengelupas, nipis, pedih, gatal, kemerahan dan sensitif. Jika tidak dirawat ia akan kekal menjadi hitam atau gelap, bertompok dan kelihatan hodoh dan mudah terkena kanser kulit.

Kulit yang nipis tidak mempunyai daya penahan mengakibatkan wajah pengguna menjadi cepat tua. Apabila bahan ini menyerap ke saluran darah, ia memberi kesan dalam pertuturan, pendengaran, muntah, renjatan otot, sakit kepala, sawan dan koma.

Asid azelaik - Penggunaannya tanpa pengawasan boleh menyebabkan bahagian kulit yang disapu mengalami rasa terbakar, pedih, kering, mengelupas dan kemerahan.

Plumbum - Plumbum biasanya didapati dalam kandungan gincu. Ia dikategorikan sebagai neurotoksin, sejenis penghadang sistem saraf. Neurotoksin menyebabkan masalah tingkah laku dan pembelajaran seperti kemerosotan IQ, keagresifan yang meningkat dan pengurangan tumpuan.



SARIFAH memastikan kajian makmal dilaksanakan dengan teliti.



SARIFAH Sarifah Rejab menunjukkan ekstrak tempe yang digunakan dalam penghasilan produk

UNIVERSITI Teknologi Petronas' Centralised Analytical Laboratory (CAL) was recently accredited by Standards Malaysia for calibration and testing capabilities with the MS ISO/IEC 17025:2005 certification.

CAL met not only the technical and management requirements for testing and calibration competency, but also for operating within MS ISO 9001, Quality Management Systems standards.

This means that CAL's results can be trusted as reliable and dependable. This is no small achievement as stringent standards and requirements have to be met.

Such accreditation keeps CAL on track and ensures that it maintains services of the highest standards.

The accreditation also endorses CAL's well-trained personnel, constantly calibrated equipment for measurement and updated methods of testing.

CAL is the first laboratory of its kind in Malaysia to achieve accreditation for measurement of surface area of catalysts and catalyst carriers under the Laboratory Accreditation Scheme (SAMM).

This accolade recognises CAL's technical competence to perform specific testing, measurement and calibration.

The scope of accreditation for CAL encompasses the surface area measurements of catalyst and catalyst carriers containing pores between the ranges of 2nm and 50nm, which is within the fields of mechanical and physical testing of materials.

CAL is one of the service centres established under the university's Research and Innovation Office and its goal is to promote research excellence by ensuring that analytical services comply with international standards.

Meeting high standards



Fadilah presenting the accreditation certificate to Abdul Rahim.

CAL head Associate Prof Dr Noor Asmawati said it had state-of-the-art analytical instrumentation.

It provides analytical services to researchers from UTP and organisations in green technology, renewable energy, nanotechnology, electronics, environmental, oil and gas and petrochemicals. SAMM accreditation recognises CAL as being on par with similar laboratories around the world.

CAL laboratories have Energy-Filtered High Resolution Transmission Electron Microscope (EF-HRTEM), Transmission

Electron Microscope sample preparation facilities, Variable Pressure Field-Emission Scanning Electron Microscope (VP-FESEM), Universal Scanning Probe Microscope (AFM/STM/DFM), Gas Chromatograph-Mass Spectrometer with pyrolyser (GCMS), Liquid Chromatograph-Mass Spectrometer (LCMS), X-Ray Photoelectron Spectrometer (XPS), Accelerated Surface Area and Porosimetry System (ASAP), Fourier Transform Infra-Red Spectrometer with high vacuum-purge system (FTIR-HVPS), RAMAN Spectrometer, Particle Size/Zeta Potential Analyzer and Atomic Absorption Spectrometer (AAS).

In presenting the accreditation certificate to UTP vice-chancellor Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Haji Hashim, Standards Malaysia director-general Fadilah Baharin expressed hope that UTP would see this achievement as the initial step in its relationship with the association.

"In the future, we hope to further collaborate with UTP with the introduction of standards in the academic courses and syllabus to foster the culture of quality and excellence in education," she said.

Abdul Rahim said UTP placed priority in ensuring that its academic programmes conformed to international standards while also meeting the needs and expectations of the industry.

"With a vision to become a leader in technology education and centre for creativity and innovation, the university has developed into one of the top universities in Malaysia over a

short span of time," said Abdul Rahim.

He added that UTP had plans and strategies to ensure effective laboratory teaching and learning processes, research, consultancy and development activities for both its students and staff.

These are conducted through provision of adequate, reliable and well-maintained engineering laboratory equipment, facilities and utilities that comply with rules and regulations as well as conform to international standards. UTP has three laboratories certified by Standards Malaysia, including CAL.

UTP's Control and Instrumentation Laboratory was also conferred the MS ISO/IEC 17025:2005 certification.

This laboratory functions as one of the facilities developed for the Electrical and Electronics Engineering programme at UTP. Under the custody of UTP Laboratory Facilities and Services Department, this laboratory teaches process control encompassing measurement, calibration, instrumentation, operations and control.

In 2012, UTP became the first private university in Malaysia to receive an accreditation by Standards Malaysia.

Its Universal Testing Machine (UTM) Laboratory was accredited under SAMM based on MS ISO/IEC 17025:2005 - "General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories".

■ For details, call 05-368 8210 or e-mail noorasmawati_mzabidi@petronas.com.my

D-Day for water concessionnaires

> Selangor, Putrajaya to decide whether to invoke law to take over water assets

BY **LEE CHOON FAI**
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: Tomorrow is D-Day for Selangor's four water concessionnaires as the state and federal governments will be making a final decision on whether to invoke the Water Services and Industries Act (WSIA).

Should the law be invoked, the concessionnaires will have no choice but to

relinquish control of the water industry.

Selangor Mentri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim said the federal government has been very cooperative and it has been discussing how the state government will have control over water assets after the restructuring exercise.

"The state and the federal governments have agreed to set Friday (tomorrow) as the final deadline to decide whether to execute Section 114 of WSIA," Khalid told a press conference after chairing the weekly state executive council meeting yesterday.

Abdul Khalid had previously said the concessionnaires can go for international

arbitration if they are not satisfied with the RM9.65 billion compensation offered.

"They can challenge it, but implementation will still proceed," he said.

On allegations of his vote-buying in the Parti Keadilan Rakyat elections, he refused to comment, saying the party's political bureau had issued a gag order until it was discussed within the party.

Meanwhile, State Youth and Sports, Infrastructure and Public Amenities Committee chairman Dr Ahmad Yunus Hairi said all dams in Selangor except for the Tasik Subang dam showed an increase in water levels.

He said the Sungai Selangor dam, which supplies about 60% of the state's raw water, has risen from 41.06% to 41.52% in the past week while the Tasik Subang dam remains at 85.28%.

Ahmad Yunus also assured that water, extracted from the Bestari Jaya mining pools from Feb 26 to April 6, is safe for consumption.

He said water quality is being monitored by the Selangor Water Management Board (Luas) and regular tests on heavy metal contents will be done by the **Malaysia Chemical Department** and an accredited third-party laboratory.